

**Generasi Muda Mampu Menyumbang Jika Diberi Peluang Luah Pemikiran Bernama**  
**06 Julai, 2011**

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Generasi muda diyakini mampu menyumbang kepada kemajuan, perpaduan dan keamanan negara jika diberi ruang dan peluang secukupnya untuk meluahkan pemikiran mereka mengenai masa depan negara dan masa depan mereka di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata beliau percaya semangat patriotisme, perpaduan dan semangat ingin menyumbang kepada negara boleh disemai melalui aktiviti pidato, forum dan syarahan yang membincangkan secara khusus asas-asas penting kewujudan sebuah negara bangsa yang maju dan bersatu padu.

"Dengan luahan fikiran generasi muda sendiri mengenai kepentingan semangat patriotisme dan perpaduan, saya yakin kita akan dapat melahirkan generasi yang mempunyai kesedaran yang amat tinggi tentang peranan dan tanggungjawab mereka untuk memelihara perpaduan dan keamanan negara," katanya.

Berucap sempena Majlis Penyampaian Hadiah Festival Bahasa dan Sastera (FBS) 2011 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini, Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran berkata golongan pelajar di negara ini harus dididik supaya lebih berani mencetuskan idea-idea baru yang sangat bertepatan dengan budaya kreativiti dan inovasi yang sedang disemai sekarang.

Sambil mengalu-alukan penganjuran FBS, Muhyiddin berkata kegiatan seumpamanya bukan semata-mata bertujuan melahirkan pemidato atau pendebat yang petah berhujah, tetapi lebih penting untuk melahirkan modal insan kelas pertama yang memiliki kebijaksanaan untuk memahami tanggungjawab sebagai warganegara yang mulia.

"Inilah masyarakat Malaysia yang mahu kita bentuk dan lahirkan - berjiwa patriotik, kreatif, inovatif dan terbuka mindanya," katanya.

FBS dianjurkan DBP dengan kerjasama Kementerian Pelajaran, Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong), Persatuan Guru Besar Sekolah Tamil Malaysia, Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia dan Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia (Perspektif).

Festival itu antara lain bertujuan memantapkan penggunaan bahasa Melayu di kalangan pelajar bukan Melayu di Sekolah Persendirian Cina Malaysia dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan Sekolah Menengah Kebangsaan di negara ini.

Dalam pada itu, Muhyiddin berharap lebih banyak syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) tampil untuk bersama-sama mengadakan program pembudayaan Bahasa Kebangsaan memandangkan kerjasama badan-badan bukan kerajaan dan sektor korporat amat penting dalam menjayakan usaha ke arah itu.

Pada majlis itu, Muhyiddin turut menyampaikan hadiah kepada pemenang setiap acara termasuk juara bagi setiap kategori iaitu Forum Pelajar (Sekolah Menengah (P) Kuen Cheng, Kuala Lumpur), Forum Remaja (Sekolah Menengah Kebangsaan Kuhara, Sabah), Pidato (Yu Er Jing, dari SJK(C) Jalan Davidson, Kuala Lumpur). Pertandingan Bercerita (Hong Li-Man Jeslyn dari SJK(C) Nan Yik Lee Rubber, Kuala Lumpur), Puisi (Cheng Kui Qiang (Sek Men Confucian (Persendirian) Kuala Lumpur) dan Koir (Sek Men Kian Kok, Kota Kinabalu, Sabah).

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).  
Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=599521>